


30/KLIA/2025



AGANSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

CUBAAN PENYAMARAN SEBAGAI PENUMPANG BAHARU, 9 WARGA INDIA DITOLAK MASUK DI KLIA T2

Sepang, 30 Julai 2025 – Unit Pemantau Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) KLIA Terminal 2 telah berjaya mengesan taktik baharu warga asing dalam cubaan bolos pemeriksaan imigresen di KLIA 2 pada 29 Julai 2025. Daripada 270 warga asing yang telah diperiksa, didapati 13 individu telah ditahan dan ditolak masuk ke negara melibatkan lapan (8) lelaki dan seorang (1) wanita warganegara India, serta empat (4) lelaki warganegara Pakistan.

Beberapa warganegara India yang diarahkan menjalani pemeriksaan lanjut di Pejabat Operasi Imigresen dikesan cuba menyamar sebagai penumpang baharu yang baru tiba. Mereka dipercayai menukar pakaian di kawasan transit bagi mengelak dikenali dan cuba menyusup semula ke dalam barisan pemeriksaan imigresen seolah-olah baru mendarat.

Bagaimanapun, hasil pemantauan rapi serta tindakan pantas pasukan keselamatan AKPS, kesemua suspek berjaya dikesan dan ditahan sebelum sempat melepasi kawalan kaunter masuk Imigresen.

Sebagai langkah pencegahan susulan, AKPS KLIA akan memperkukuh kawalan di kawasan transit melalui peningkatan kekerapan rondaan, pemantauan kamera litar tertutup (CCTV), dan pelaksanaan prosedur pengesanan yang lebih ketat bagi mengelak taktik penyamaran berulang.

SIARAN MEDIA

Pihak AKPS KLIA menyeru komuniti KLIA, termasuk kakitangan operasi dan pengendali penerbangan, bekerjasama dengan pihak berkuasa dengan melaporkan sebarang tingkah laku atau pergerakan mencurigakan oleh penumpang warga asing. Sokongan dan kewaspadaan bersama amat penting dalam memastikan keselamatan dan integriti pintu masuk negara terus terpelihara.

TAMAT

30 JULAI 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI